

# SSeMSabah anjur

## 'Konsert Kemilau Anak Seni'

UB 9.9.2017 A3

Oleh MOHD AFIS ISMAIL

(Pelatih UMS)

**SANDAKAN:** Bertemakan era kegemilangan 60-an, Sekolah Seni Malaysia Sabah (SSeMSabah) akan menganjurkan 'Konsert Kemilau Anak Seni Siri 2' pada 1 Oktober di Dewan Sri Libaran di sini.

Kerjasama padu Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pejabat Pendidikan Daerah Sandakan, tenaga pengajar dan pelajar SSeMSabah, warga

Sekolah Perdana SMK Elopura dan pelatih industri Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu bertujuan melahirkan generasi budaya seni mampu bersaing di peringkat tinggi.

Konsert yang bakal dihadiri Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Hj Aman dan Pengarah Pendidikan Sabah Datuk Hjh Maimunah Hj Suhaibul itu akan menyaksikan pelbagai hasil karya seni pelajar SSeMSabah dipersembahkan hasil daripada garapan kreativiti mereka.

Selain mempromosikan hasil karya seni pelajar, konsert yang sebahagian daripada program tahunan itu adalah platform untuk melatih dan mendidik pelajar dalam membina keyakinan diri dalam bidang kesenian.

Pengarah Program Mohd Asnari Taim berharap konsert yang bakal direalisasikan itu mendapat galakan positif daripada masyarakat setempat sekaligus memberi sokongan kepada pelajar SSeMSabah dalam memartabatkan bidang kesenian yang bersifat universal.